

# KAJIAN SISTEMATIK PENGAJARAN ABAD KE-21 (PAK21) DALAM KALANGAN GURU PENDIDIKAN ISLAM (GPI)

## (Systematic Review of 21st Century Teaching Among Islamic Education Teachers)

\*Wardyawaty Rajikal<sup>1</sup>, Mohd Isa Hamzah<sup>1</sup>

<sup>1</sup>Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM)  
43600 Bangi, Selangor, Malaysia.

\*Corresponding author's email: [wardyawatyrjikal@gmail.com](mailto:wardyawatyrjikal@gmail.com)

### Article History:

Submit: 12 June 2020

Accepted: 12 June 2020

Revised: 27 November 2020

Published: 28 December 2020

*Attarbawiy: Malaysian Online Journal of Education*

*Vol. 4, No. 2 (2020), 103-113*

### Abstrak

Banyak kajian telah dijalankan terhadap pelaksanaan Pengajaran Abad Ke-21 (PAK21) daripada pelbagai aspek. Kajian ini bertujuan untuk mengkaji secara sistematik artikel yang diterbitkan melibatkan pelaksanaan pengajaran PAK21 dalam kalangan GPI pada sepuluh tahun kebelakang iaitu pada 2010 sehingga 2020. Pencarian artikel melalui tiga sumber pangkalan data utama iaitu *Google Scholar*, *Researchgate* dan *Academia* menemui sebanyak 14 artikel setelah disaring mengikut kriteria yang ditetapkan. Kaedah kualitatif digunakan dengan menganalisis kandungan dan penyaringan artikel menggunakan garis panduan PRISMA. Kajian ini telah membahagikan carian berdasarkan tiga tema iaitu kesediaan, amalan dan keberkesanan. Kajian mendapati tema amalan merupakan tema yang sering menjadi perhatian pengkaji dengan hasil penemuan sebanyak 7 artikel diikuti dengan keberkesanan sebanyak 4 artikel dan kesediaan hanya 3 artikel. Kajian ini diharap dapat membantu pihak Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) dalam menggubal program pelatihan kemahiran bagi GPI ke arah melaksanakan PAK21 dalam pengajaran dan pembelajaran (PdP) berkesan selain membantu para pengkaji untuk melihat *trend* kajian berdasarkan tiga tema yang dipilih.

**Kata kunci:** Pengajaran Abad Ke-21, Guru Pendidikan Islam, Kesediaan, Amalan, Keberkesanan

### Abstract

Many studies were conducted on the implementation of the 21st century Teaching (PAK21) of various aspects. This study aims to review systematically studies that have been carried out involving the implementation of PAK21 teaching among GPI in the last ten years, in 2010 until 2020. Searched articles through three main database sources, namely *Google Scholar*, *ResearchGate* and *Academia* found 14 articles after they were in accordance with the criteria set. Qualitative methods are used by analyzing content and screening articles using PRISMA guidelines. The study has divided the search based on three themes, namely readiness, practice and effectiveness. The study found that the theme was a theme that often became a concern with the findings of the 7 articles followed by the effectiveness of 4 articles and the readiness of only 3 articles. This study is expected to help the Ministry of Education Malaysia (KPM) in formulating the program coaching skills for GPI towards implementing PAK21 in teaching and learning (PdP) effective in addition to helping researchers to see the trend of research based on the three chosen themes.

**Keyword:** 21<sup>st</sup> Century Teaching, Islamic Teacher, Readiness, Practices, Effectiveness

## 1.0 PENGENALAN

Pengajaran Abad Ke-21 (PAK21) merupakan pendekatan yang sesuai sejajar dengan era globalisasi dalam melahirkan generasi yang berkemahiran dan kompeten. Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia (PPPM 2013-2025) menggariskan enam aspirasi murid yang perlu dicapai. Pencapaian ini diukur berdasarkan keberhasilan proses pembelajaran di dalam kelas (Ainun et al, 2017). Pengajaran dan pembelajaran (PdP) dianggap penting sebagai proses melengkapkan keperluan murid yang dinamik (Mashira et al, 2019). Justeru, PdP dalam bilik darjah menjadi platform dalam melaksanakan dasar ini dengan kepelbagaian kaedah digunakan oleh guru. Mahamod (2011) menyatakan pengetahuan teknik PAK21 sangat diperlukan oleh guru dalam memastikan sistem pendidikan dapat memacu negara menjadi negara maju. Guru juga dianggap mempunyai kompetensi tertentu untuk mengembangkan kemahiran, bakat, potensi dan pengetahuan murid dalam pelbagai bentuk (Noraini, 2010). Oleh itu, peranan guru dalam melaksanakan pengajaran PAK21 menjadi satu tuntutan masa kini dalam membina generasi yang bersedia berhadapan cabaran global di masa hadapan.

Keberkesanan PdP berteraskan PAK21 bergantung kepada kemahiran dan kesediaan guru dalam mengolah corak pengajaran sesuai dengan dasar pendidikan negara. Rafferty et al (2013) dan Anghalechea (2012) menyatakan kesediaan merupakan perkara penting dalam menghadapi perubahan bagi menentukan kejayaan terhadap pembaharuan tersebut. Meskipun guru berhadapan kekangan masa untuk menghabiskan sukatan pelajaran dan dibebani tugas lain (Norazlin, 2019). Namun, kesediaan dalam konteks pengetahuan, kemahiran dan sikap merupakan elemen yang perlu ada bagi menjalankan suatu tugas dengan efisien (Thorndike, 1932). Walau bagaimanapun, Jaggil (2018) menyatakan kesediaan guru turut meliputi penstrukturan kaedah pengajaran dan peningkatan terhadap keperluan pengintegrasian kemahiran dalam PdP. Justeru, kemahiran 4C (Communication, Collaborative, Critical Thinking, Creativity) merupakan kemahiran yang disenaraikan oleh American National Education Association (2015) yang perlu ada dalam kalangan murid sejajar dengan perkembangan ekonomi dan teknologi dunia. Generasi hari ini perlu bersaing di peringkat global dengan memiliki kemahiran 4C. Oleh itu, Erdogan (2019) berpendapat guru perlu memenuhi semua kemahiran ini dalam semua mata pelajaran untuk menanam nilai kewarganegaraan dan berdaya saing melalui PdP.

Amalan pengajaran berasaskan KBAT antara elemen yang terdapat dalam PAK21. Ianya boleh diterapkan dalam setiap fasa pengajaran iaitu peringkat induksi, pengembangan isi pelajaran dan penutup. Kaedah penyoalan merupakan kaedah PdP yang mampu merangsang daya pemikiran murid melalui pelbagai bentuk pendekatan seperti penyoalan secara bersasar, penyoalan secara rawak atau penyoalan berbentuk penilaian (Brookhart & Susan, 2007; Muhammad Sofwan & Roslinda; 2015). Guru dilihat berperanan untuk mengutarakan soalan KBAT dengan mengguna pakai kata soal seperti bagaimana, kenapa serta meminta murid untuk membuat perbandingan. PAK21 juga merupakan amalan pedagogi dan pengajaran terbaik yang mengaplikasikan pelbagai strategi, teknik, pendekatan dan sumber bagi memastikan PdP teradun secara sekata antara guru, murid dan bahan (Yunos, 2015). Oleh itu, dapat dilihat bahawa amalan merupakan aspek yang perlu dilihat dalam memastikan PAK21 dapat dilaksanakan dalam mata pelajaran Pendidikan Islam.

Di samping kepelbagaian kaedah dan strategi pembelajaran yang digunakan, aspek keberkesanan menjadi elemen dalam PAK21 yang perlu dilihat agar proses PdP yang dijalankan dapat membentuk satu kefahaman konseptual yang luas selain dapat dihubungkan dengan pelbagai situasi. Kajian Umi Kalthom dan Ahmad (2014) menunjukkan penerapan PAK21 dalam PdP berkesan bagi mewujudkan situasi pembelajaran lebih seimbang dalam konteks pembangunan jasmani, emosi, rohani dan intelek. Seterusnya kemahiran yang diperolehi oleh murid dapat diaplikasi dalam kehidupan insaniah pelajar. Manakala kajian Yahya dan DK. Suzanawaty (2014) yang dijalankan di salah sebuah sekolah di Zon Brunei 11A terhadap penerapan PAK21 dalam PdP melalui penulisan berbentuk risalah telah menunjukkan keberkesanan dengan peningkatan kadar pencapaian murid menguasai kemahiran menulis. Justeru, keberkesanan PdP bergantung kepada cara guru menyesuaikan kaedah dan strategi pengajaran berdasarkan keupayaan pelbagai yang terdapat pada murid. Pemilihan kemahiran yang sesuai dengan objektif pembelajaran juga perlu selari dengan persekitaran yang ada pada masa itu. Situasi semasa jelas menunjukkan Pandemik Covid19 telah mengubah landskap sistem pendidikan negara dengan melaksanakan Pengajaran dan Pembelajaran dari Rumah (PDPR). Guru perlu menjadi lebih kreatif dan proaktif dalam memanfaatkan teknologi bagi memastikan keberkesanan terhadap PdP.

Walaupun bagaimanapun, kajian Saliza (2019) mendapati kemahiran berfikir aras tinggi (KBAT) guru adalah pada tahap sederhana. Selari dengan kajian Badrul (2016) menunjukkan amalan (PdP) guru yang menggunakan kemahiran KBAT mencatat min terendah iaitu 3.32. Manakala kajian Mashira (2019) turut

menunjukkan terdapat guru yang masih tidak mampu menerapkan unsur KBAT dalam sesi soal jawab di dalam kelas. Kajian yang sama turut menunjukkan masih terdapat guru tidak menguasai teknologi masa kini. Selain itu, terdapat guru yang masih terikat dengan isi kandungan dalam buku teks mengakibatkan kurang penerapan KBAT dalam pengajaran mata pelajaran Pendidikan Islam (PI) menyebabkan PdP kelihatan lesu dan hambar (Azhar dan Huda, 2010). Perkara ini perlu diambil perhatian kerana mata pelajaran PI penting dalam menarik minat murid. Meskipun kajian pelaksanaan PAK21 dalam kalangan guru Pendidikan Islam (GPI) masih kurang dijalankan, namun kajian Mohd Zailani (2017) dan Maimun (2017) membuktikan tahap kesediaan dan amalan pedagogi dalam kalangan GPI dari aspek KBAT perlu ditingkatkan. Perkara ini menjadi perhatian pengkaji kerana melihat kepentingan mata pelajaran Pendidikan Islam sebagai medium dalam melahirkan individu yang seimbang dari segi kemahiran, pengetahuan dan akhlak seorang Muslim. Hal ini kerana proses pembangunan ke arah modal insan kelas pertama yang berpegang teguh kepada ajaran Islam dapat menjamin kejayaan di masa hadapan. Sebagaimana zaman kegemilangan Islam di dalam bidang sains dan teknologi yang telah melahirkan ramai ilmuan Islam. Mohd. Faez dan Kamarul (2011) turut menyatakan Pendidikan Islam merupakan suatu kepentingan pada hari ini akibat desakan globalisasi yang memerlukan setiap individu memiliki kemahiran tinggi dan kompeten. Oleh itu, kajian ini penting bagi melihat tahap pelaksanaan pengajaran PAK21 dalam kalangan GPI.

Dengan itu, kajian sistematik ini merupakan satu analisis data sekunder yang telah dikenal pasti, disaring dan disintesis menggunakan kaedah sistematik bagi menjawab persoalan kajian (Othman, 2019). Bagi membina kajian sistematik yang relevan, pencarian artikel terkini adalah berdasarkan soalan kajian berikut - Apakah faktor yang mempengaruhi pelaksanaan pengajaran PAK21 dalam kalangan guru Pendidikan Islam (GPI)?

Selain itu, kajian ini turut mengenal pasti kecenderungan pengkaji dan penyelidik terhadap pelaksanaan pengajaran PAK21 dalam kalangan GPI bagi sepuluh tahun terakhir. Oleh itu, kajian ini terbahagi kepada tiga tema utama iaitu kesediaan GPI, tahap amalan dan keberkesanan PAK21 dalam mata pelajaran Pendidikan Islam (PI). Justeru, bahagian ini menerangkan tentang kepentingan kajian sistematik yang dijalankan terhadap pelaksanaan PAK21 dalam kalangan GPI. Manakala bahagian kedua membincangkan tentang persoalan kajian yang akan dihuraikan menggunakan kaedah *Preferred Reporting Systematic Reviews and Meta-Analysis* (PRISMA).

## 2.0 METODOLOGI KAJIAN

Kajian sistematik adalah usaha mengumpul bukti dan data yang bersesuaian dengan soalan kajian yang khusus (Shamah Al., 2015). Kaedah pemilihan yang terperinci digunakan bagi mengelakkan unsur *bias* dalam pemilihan dan mengenal pasti artikel kajian. Kaedah ini sesuai dengan tujuan kajian ini kerana membantu mensintesis artikel berkaitan PAK21 melibatkan mata pelajaran Pendidikan Islam.

### 2.1 Bentuk Kajian

Kajian sistematik menggunakan pendekatan *Preferred Reporting Items for Systematic Reviews and Meta-Analyses* (PRISMA) yang digunakan oleh Moher et. al. (2015) dalam mencari faktor keberkesanan pelaksanaan pengajaran PAK21 dalam kalangan GPI. Pendekatan ini sesuai bagi tujuan pengukuran dan penilaian kajian sistematik kerana menggariskan panduan dalam menilai ketelusan, ketepatan dan kriteria pemilihan artikel (Ester et. al., 2020). Selain itu, kajian sistematik ini juga merupakan kaedah penyelidikan yang sesuai untuk menyumbang sintesis ilmiah yang tepat (Van, 2017).

### 2.2 Pemilihan dan Penyaringan Artikel

Pencarian artikel berdasarkan tiga sumber data yang utama dan lazim digunakan oleh pengkaji iaitu Google Scholar, Academia dan Researchgate. Ini disokong oleh Brando dan Moro, 2017; Van Noorden, 2014 yang menyatakan Researchgate merupakan pangkalan data carian kedua selepas Google Scholar yang sering digunakan bagi golongan profesional di laman sesawang. Ianya lazim digunakan oleh golongan penyelidik dalam bidang Sains, malah menjadi rujukan ketiga utama bagi bidang Sains Sosial, seni dan kemanusiaan. Malah Thelwall & Kousha (2014) menyatakan laman sesawang ilmiah seperti Researchgate dan Academia memberi ruang bagi penyelidik muda untuk mendapatkan capaian dan carian berkaitan kajian. Jadual 1 menunjukkan kriteria pemilihan artikel.

Jadual 1 Kriteria pemilihan artikel (adaptasi daripada kajian Areti, 2018)

Jenis kriteria	Kriteria	Terpilih	Dikecualikan
Jenis penerbitan	Jurnal artikel	X	
	Kertas Konferensi	X	
	Laporan	X	
	Dissertasi/Tesis		X
	Buku		X
Akses	Maya	X	
	Kertas		X
Tempoh penerbitan	2010 - 2020	X	
Jaringan penerbitan	Dalam negara	X	
	Luar negara		X
Jenis kajian	Kajian emperikal	X	
	Kajian teoritikal		X
Metodologi kajian	Kualitatif	X	
	Kuantitatif	X	

### 2.3 Proses Kajian Sistematis


Terdapat empat peringkat proses kajian sistematik mengikut PRISMA. Peringkat pertama adalah pemilihan kata kunci yang digunakan dalam proses pencarian melalui tiga pangkalan data yang terpilih. Kata kunci utama yang digunakan seperti dalam Jadual 2 iaitu “Pengajaran Abad ke-21” ATAU “Abad ke-21” DAN “Pendidikan Islam”. Walau bagaimanapun, terdapat beberapa istilah yang menuju indikasi yang hampir sama digunakan dalam literatur. Oleh itu, istilah “Pendidikan Islam” juga diperluaskan pencariannya dengan memperincikan bidang yang terdapat dalam mata pelajaran PI seperti “Akidah” ATAU “Akhlak” ATAU “Jawi” ATAU “al-Quran” ATAU “Sirah”. Manakala “Pengajaran Abad ke-21” diperluaskan dengan menggunakan istilah kemahiran “Berfikir Aras Tinggi (KBAT)” ATAU “Kemahiran Kolaboratif” ATAU “Kemahiran Komunikasi” ATAU “Kemahiran Kreativiti” selari dengan penerapan kemahiran dalam PAK21.

Jadual 2: Penetapan Kata Kunci dalam Proses Carian melalui Laman Sesawang

Pengajaran Abad Ke-21	DAN	Pendidikan Islam
Abad Ke-21		Akhlak
Kemahiran Berfikir Aras Tinggi (KBAT)		Sirah
Kemahiran Kolaboratif		Akidah
Kemahiran Komunikasi		Jawi
Kemahiran Kreativiti		al-Quran


Rajah 1 menunjukkan carta alir Model PRISMA yang digunakan dalam kajian. Hasil pencarian ini menemui sebanyak 250 artikel berkaitan. Kaedah *snowball* mendatangkan carian 20 artikel tambahan menjadikan jumlah carian sebanyak 270 artikel. Peringkat kedua dan ketiga adalah proses penyaringan dan pemilihan berdasarkan kelayakan kriteria. Dengan itu, terdapat 225 artikel membincangkan PAK21 bagi mata pelajaran selain Pendidikan Islam (PI) dan kajian yang dijalankan di luar negara telah dikeluarkan daripada senarai pendek analisis. 45 artikel lagi merupakan kajian melibatkan mata pelajaran Pendidikan Islam namun 31 artikel daripadanya tidak memenuhi kriteria pemilihan kajian kerana merupakan kertas konsep, kajian tidak bersifat emperikal dan terdapat dua artikel yang dijalankan sebelum tahun 2010. Peringkat keempat adalah senarai pendek artikel yang telah dikenal pasti memenuhi semua kriteria dan dimasukkan dalam kumpulan artikel yang akan dianalisis dalam kajian ini. Ini menjadikan hanya 14 artikel yang memenuhi kriteria pemilihan dalam kajian ini.

Dapatan kajian melihat secara keseluruhan 14 artikel yang bersesuaian dengan kriteria kajian sistematik ini. Rajah 2 menunjukkan kekerapan kadar penerbitan bagi tempoh sepuluh tahun terakhir iaitu 2010 sehingga Februari 2020. Lingkaran garis merah menunjukkan penemuan artikel umum PAK21 yang membincangkan tentang pelaksanaan, pengaruh terhadap sikap dan motivasi, keberkesanan, kesediaan guru dan kertas konsep melibatkan mata pelajaran lain selain Pendidikan Islam (Ainun, 2017; Badrul Hisyam, 2016; Leng E. Y., 2017; Farhana, 2015; Mashira, 2019; Noor Lela et. al., 2019).



Rajah 1 Carta alir Model PRISMA

Lingkaran garis biru menunjukkan penerbitan artikel PAK21 bagi mata pelajaran Pendidikan Islam. Darpada 45 artikel tersebut, hanya 14 artikel yang memenuhi kriteria pemilihan artikel kajian sistematik. Artikel selebihnya merupakan kajian yang dilakukan di luar negara (Firdaus & Hilmy, 2018; Muhammad Zuhri, 2019; Muslim Afandi, 2014). Juga terdapat artikel yang hanya membincangkan kajian teoritikal terhadap amalan dan pelaksanaan PAK21 dalam PI (Syaubari, 2016; Syaubari 2017; Tengku Nor Husna et al, 2019).



Rajah 2 Penerbitan Artikel PAK21

### 3.0 ANALISIS DATA

Hasil penelitian dan pemilihan yang telah dijalankan, sebanyak 14 artikel yang memenuhi kriteria pemilihan artikel untuk kajian sistematik bagi menjawab soalan kajian. Kajian sistematik dijalankan dengan membaca

abstrak terlebih dahulu kemudian penelitian secara mendalam terhadap isi perbincangan keseluruhan artikel untuk mengenal pasti kesesuaian artikel terhadap tema dan persoalan kajian. Analisis kualitatif dilakukan dengan menganalisis kandungan untuk memastikan artikel mempunyai kaitan dengan pelaksanaan PAK21 dalam kalangan GPI.

Jadual 3 menunjukkan agihan 14 artikel mengikut tema yang telah ditetapkan. Penemuan kajian menunjukkan aspek amalan merupakan aspek yang sering dikaji oleh penyelidik berkaitan amalan PAK21 dengan jumlah keseluruhan sebanyak 7 artikel. Manakala aspek keberkesanan dilihat kurang menjadi keutamaan berbanding aspek amalan dengan penemuan sebanyak 4 artikel yang berkaitan. Seterusnya, aspek kesediaan guru merupakan perkara yang sangat kurang dikaji dengan penemuan 3 artikel sahaja yang diperoleh meliputi aspek dan kriteria yang ditetapkan.

Jadual 3 Agihan Artikel Mengikut Tema

Kesediaan guru	Amalan	Keberkesanan
Noraini & Musliha (2018) Maimun et. al (2017) Wan Ismail et. al (2016)	Nursafra M. Z., et. al (2018) Ahmad Khairudin et. al (2018) Mohd Zailani & Mohd Khairi (2017) Raja Abdullah & Daud (2018) Mohd Syaubari & Ahmad Yunus (2017) Mohd Syaubari & Ahmad Yunus (2017) Mohd Syaubari & Ahmad Yunus (2018)	Hasnuddin Ab. R., et. al (2015) Zanariah A. W.& Nik Rosila (2018) Mohamad Maliki Ali et. al (2018) Mohd Syaubari & Ahmad Yunus (2018)

## 4.0 PERBINCANGAN

Bahagian ini membincangkan secara terperinci tentang tiga tema kajian iaitu kesediaan, amalan dan keberkesanan.

### 4.1 Kesediaan

Terdapat tiga artikel berkaitan yang membincangkan tentang kesediaan GPI. Mohd Hamzah dan Attan (2007) menyatakan bahawa maksud kesediaan ialah perihai kepada kesanggupan dan kerelaan. Kesediaan GPI dalam konteks kajian ini adalah merujuk kepada tiga aspek iaitu literasi (pengetahuan), kemahiran dan sikap sepertimana yang digariskan dalam teori Thorndike. Kesediaan merujuk kepada persiapan mental dan fizikal GPI dalam mengajar mata pelajaran PI yang menjadi efikasi sendiri GPI untuk melaksanakan proses PdP. Kemahiran GPI merujuk kepada kemahiran pedagogi yang diguna pakai oleh GPI semasa PdP di dalam kelas. Oleh itu, GPI perlu sentiasa mengikuti latihan semasa dalam perkhidmatan bagi meningkatkan ilmu pengetahuan dan kemahiran dalam mata pelajaran pengkhususan serta mengikut inovasi dalam pedagogi (Salleh, 2012). Manakala sikap adalah dedikasi GPI dalam melaksanakan tugas utama sebagai seorang GPI iaitu mengajar. Menurut Noraini & Musliha (2018), kesediaan dari aspek pengetahuan guru pelatih Pendidikan Islam dalam menerapkan elemen KBAT secara kreatif dan inovatif dapat merangsang semangat dan minat murid dalam PdP. Hal ini disokong dengan pendapat Mohd Kosmin & Md Saleh (2006) yang menyatakan GPI yang mempunyai kesediaan kognitif yang tinggi dapat melihat beberapa aspek dalam sesuatu idea walaupun ianya berbentuk abstrak. Selari dengan Wan Ismail et. al (2016) mengatakan kesediaan GPI daripada aspek pengetahuan, kemahiran dan sikap menjamin keberkesanan dalam proses PdP. Sudut lain, Maimun et. al. (2017) menyatakan kesediaan guru dalam menggunakan teknologi maklumat (ICT) dalam mata pelajaran PI perlu ditingkatkan meskipun topik ibadah, akidah, sirah, tilawah dan tokoh memerlukan GPI untuk merujuk kepada sumber utama iaitu buku teks berbanding penggunaan teknologi dan multimedia seperti internet. Hal ini kerana setiap perubahan yang berlaku dari segi budaya pendidikan, misi pendidikan, teknologi bahan bantu mengajar berkehendak pada guru untuk peka dan bertindak ke arah perubahan supaya sentiasa kekal relevan (Hassan & Mohd Aris, 2009).

### 4.2 Amalan

Artikel berkaitan dengan tema amalan PAK21 dalam kalangan GPI mempunyai hasil carian sebanyak tujuh artikel. Ini menunjukkan tema amalan dalam kajian ini yang paling banyak dikaji di bawah tajuk PAK21 dalam kalangan GPI. Amalan dalam kajian ini merujuk kepada tahap penguasaan GPI dalam mengamalkan kemahiran PAK21 dalam PdP. Kajian (Nursafra, 2018; Mohd Syaubari, 2017; Ahmad Khairuddin et. al, 2018) menggunakan kaedah kualitatif untuk melihat strategi penyoalan kritis dalam mata pelajaran PI. Dalam kajian yang sama, pengkaji menyatakan pengaturan strategi penyoalan dari segi aras soalan, masa untuk mengajukan soalan, bagaimana soalan dikemukakan dan sasaran soalan ditujukan perlu diambil kira

bagi merangsang daya fikir kritis, fokus dan emosi murid. Kaedah penyoalan juga antara kaedah yang mudah bagi mencungkil idea kritis daripada murid. Selain itu, kemahiran 4C (*collaborative, critical thinking, creative dan communication*) antara kemahiran yang dikaji dalam kalangan GPI (Mohd Zailani, 2017 & Raja Abdullah, 2018). Kajian yang menggunakan kaedah kualitatif dan *mixed methode* ini menunjukkan penguasaan kemahiran 4C dalam kalangan GPI masih ditahap sederhana berikutan kurang pendedahan, latihan pemikiran kritikal, bebanan kerja, kelas yang kurang kondusif. Dapatan ini selari dengan dapatan Masyirah et. al (2019) mendapati 59.52% GPI tidak pasti sama ada tahu, faham atau dapat melaksanakan KBAT berikutan cabaran seperti kandungan slibus yang padat, kekangan masa, berlaku peralihan pimpinan dan juga terdapat GPI yang masih mengekalkan cara pengajaran tradisional. Kemahiran PAK21 turut mengambil kira teknologi sebagai elemen penting untuk dikuasai oleh guru sebelum disampaikan kepada murid untuk dipelajari dan dikuasai. Penggunaan teknologi perlu dipupuk selari dengan peredaran zaman dan perlu dikuasai oleh guru dan murid. Namun, kajian Azhar dan Nurul Huda (2016) mendapati tahap pengaplikasian teknologi dan maklumat (ICT) dalam kalangan guru pelatih Pendidikan Islam masih pada tahap rendah. Oleh itu, pendedahan tentang kaedah pencarian maklumat dan bahan di alam maya perlu di ajar di peringkat awal. Hal ini kerana murid dapat memanfaatkan teknologi dan kemudahan yang ada untuk meluaskan pengetahuan berbanding hanya terhad sebagai alat hiburan sahaja (Yusmarwati, 2015).

### 4.3 Keberkesanan

Terdapat empat artikel yang ditemui memenuhi kriteria pemilihan kajian ini. Keberkesanan merujuk kepada hasil yang diperolehi oleh murid sama ada dari aspek pencapaian akademik, motivasi dan minat. Manakala daripada perspektif guru keberkesanan merujuk kepada kelancaran pelaksanaan Pdp menggunakan kemahiran PAK21. Kesemua artikel menggunakan kaedah kuantitatif dan soal selidik sebagai instrument kajian. Lay dan Khoo (2008) menyatakan bahawa soal selidik adalah instrumen yang paling kerap digunakan dalam penyelidikan kerana ia tidak memerlukan kos yang banyak selain mudah diselia dan ditadbir kepada bilangan responden yang besar. Tiga daripada artikel tersebut memilih murid sebagai responden manakala satu artikel menjadikan guru sebagai responden. Di sini pengkaji dapat melihat aspek keberkesanan daripada dua sudut berbeza. Kajian Mohd Sayubari (2018) yang menjurus pengintegrasian unsur KBAT dalam komposisi pembelajaran Pendidikan Islam telah menunjukkan pelaksanaan yang optimum hanya tertumpu pada peringkat awal dan perkembangan pembelajaran namun tahap pengekalan fokus murid semakin menurun dalam pengaplikasian KBAT. Hal ini mungkin disebabkan pelaksanaan pengajaran yang tidak konsisten dalam pelaksanaan KBAT dalam bilik darjah. Selari dengan dapatan kajian Mohamad Maliki et. al. (2018), murid dilihat masih kurang menguasai kemahiran berfikir analitikal dalam bidang akidah. Perbezaan gender juga boleh menjadi faktor kemampuan murid untuk berfikir aras tinggi. Berdasarkan kajian Zanariah & Nik Rosila (2018) mendapati murid lelaki lebih kritikal berbanding murid perempuan. Oleh itu, pengkaji berpendapat penerapan kemahiran berfikir kritis dapat dibina dan dikembangkan melalui pembacaan yang meluas di mana murid dapat membuat perkaitan di antara banyak konsep ilmu. Kurland (2000) menyokong kenyataan ini dengan menyatakan bahawa pemikiran kritikal terbentuk daripada hasil pembacaan dan pengetahuan sedia ada dalam memahami konteks realiti semasa. Jelas menunjukkan membaca mampu menjana daya fikir kritikal dengan membina interaksi antara bahan bacaan, strategi bacaan dengan realiti semasa (Elder dan Paul, 2004; Cook, 1991; Erler dan Finkbeiner, 2007). Berbeza dengan tiga kajian di atas, kajian Hasnuddin et. al (2015) lebih menjurus kepada keberkesanan Pdp menggunakan kemahiran teknologi maklumat (ICT) dalam kalangan GPI. Kajian tersebut mendapati, ICT membantu dalam mempelbagaikan aktiviti dan meningkatkan keberkesanan pengajaran guru. Namun kajian yang sama turut menyatakan bahawa penggunaan ICT dapat memotivasikan murid dan meningkatkan kefahaman murid hanya pada tahap sederhana.

## 5.0 CADANGAN KAJIAN

Berdasarkan 14 artikel yang dianalisis, terdapat beberapa perkara yang perlu diberi perhatian. Pertama, PAK21 adalah pendekatan baru yang memerlukan kesediaan dari segi pengetahuan, kemahiran dan sikap dalam kalangan GPI. Perkara ini telah ditegaskan oleh Maimun et. al., (2017) bahawa keberkesanan Pdp Pendidikan Islam amat bergantung kepada pengetahuan dan kesediaan guru untuk melaksanakan pengajaran menggunakan teknik dan kaedah yang berkesan baik secara multimedia ataupun tradisional. Namun hanya aspek kesediaan dalam kalangan GPI sangat kurang dikaji. Oleh itu, pengkaji berpendapat perkara ini perlu dikaji secara lebih meluas dan mendalam memandangkan mata pelajaran Pendidikan Islam merupakan teras dalam membentuk generasi yang seimbang dan kompeten dengan peredaran zaman seperti

yang telah dinyatakan oleh Mohd. Faez dan Kamarul (2011). Tambahan pula, keberkesanan PdP bergantung kepada kesediaan GPI untuk menjadikan PI sebagai mata pelajaran relevan dalam masyarakat. Selain itu, pengkaji melihat perlunya bimbingan kepada guru veteran dan kemudahan yang mesra guna perlu disediakan oleh pihak berwajib bagi memudahkan pelaksanaan PAK21 terutamanya dalam aspek penggunaan ICT dan pengaplikasian kemahiran KBAT. Kedua, kajian melibatkan amalan dilihat tertumpu kepada kemahiran 4C dan hanya satu kajian ditemui melibatkan penggunaan ICT. Pengkaji mencadangkan agar kajian diluaskan kepada kemahiran PAK21 yang lain seperti penyelesaian masalah, kemahiran reflektif, kemahiran pentaksiran dan meluaskan kajian tentang kemahiran ICT dalam kalangan murid dan GPI. Tambahan pula norma baharu pasca perintah kawalan pergerakan PKP dalam menangani Covid19 menjadi satu senario yang dapat dilihat kepentingan dan keperluan PdP menggunakan kemudahan ICT. Kemahiran ini bukan sahaja perlu dikuasai oleh GPI tapi turut perlu dimiliki oleh murid dengan sokongan daripada ibubapa. Ketiga, keberkesanan dilihat belum sampai pada tahap optimum. Kemenjadian murid dalam menguasai kemahiran PAK21 terutamanya kemahiran berfikir kritis masih pada tahap lemah. Dengan itu, pengkaji mencadangkan agar kajian dijalankan terhadap faktor yang mampu mendorong meningkatkan kemahiran berfikir.

## 6.0 KESIMPULAN

Kajian ini membentangkan kajian sistematik terhadap literatur sedia ada berkaitan pelaksanaan PAK21 dalam kalangan GPI dengan menganalisis artikel yang diterbitkan bermula tahun 2010 sehingga 2020 dalam carian pangkalan data *Google Scholar*, *Researchgate* dan *Academia*. Sebanyak 14 artikel ditemui memenuhi kriteria kajian yang ditetapkan. Tahap amalan merupakan kajian yang paling banyak dilakukan berdasarkan tema kajian oleh penyelidik (50%) diikuti keberkesanan (29%) dan paling sedikit adalah kesediaan GPI (21%). Selain itu, kajian ini membantu para pengkaji dan ahli akademik untuk melihat faktor utama yang mendorong pelaksanaan PAK21 berdasarkan tiga tema kajian.

## 7.0 RUJUKAN

- Ahmad Khairudin Taha, Rahimah Mat, Gan We Ling. (2018). Amalan Pengajaran dan Pembelajaran (PdP) Berunsurkan Kemahiran Berfikir Aras Tinggi (KBAT) dalam Kalangan Pensyarah Pendidikan Islam: Analisis Kualitatif Persepsi Pelajar. Prosiding. The 5th International Conference on research in Islamic Education & Arabic Language 2018 "Transforming Islamic Education in Embracing Industry 4.0 Era". eISBN 978-967-14229-3-9. Pg465-472
- Ainun Rahmah Iberahim, Zamri Mahamod, Wan Muna Ruzanna Wan Mohamad. (2017). Pembelajaran Abad Ke-21 dan Pengaruhnya Terhadap Sikap, Motivasi dan Pencapaian Bahasa Melayu Pelajar Sekolah Menengah. *Jurnal Pendidikan bahasa Melayu*. ISSN: 2180-4842. Vol 7, Bil. 2. 77-88
- Anghelachea, V., & Bentea, C. C. (2012). Educational Changes and Teachers' Attitudes Towards
- Badrul Hisham Alang Osman & Mohd Nasruddin bin Basar. 2016. Amalan Pengajaran dan Pembelajaran Abad Ke-21 Dalam Kalangan Pensyarah Institut Pendidikan Guru Kampus Ipoh. *Jurnal Penyelidikan Dedikasi*. Jilid 10
- Brandao, M. A., & Moro, M. M. (2017). Social Profesional Networks: A Survey and Taxonomy. *Computer Communications*, 100(1), 20-31
- Brookhart, Susan M. "Expanding views about formative classroom assessment: A review of the literature." *Formative classroom assessment: Theory into practice* (2007): 43-62. [accessed Nov 27 2020].
- Chalkiadaki, Areti. (2018). A Systematic Literature Review of 21st Century Skills and Competencies in Primary Education. *International Journal of Instruction*, 11(3), 1-16.
- Cook, J.E. (1991). Critical Reading? How? Why? *Teaching PreK-8*. 21(6): 23-24.
- Daniel J. Kurland. (2000). Critical Reading and Critical Thinking. *Chandler-Gilbert Community College Change. Social and Behavioral Sciences*, 33, 593-597.
- Elder, L. and R. Paul. (2004). Critical Thinking ant the Art of Close Reading (part iv). *Journal of Developmental Education*, 28(2): 36-37.
- Eow Yee Leng. (2017). Penerapan Kemahiran 4C dan Pembudayaan Amalan PAK21 dalam Pembelajaran dan Pemudahcaraan Matematik Tingkatan 1.

- Erlar, L. and C.Finkbeiner. (2007). A Review of Reading Strategies: Focus on the Impact of First Language. In A. D. Cohen and E. Macro (Eds.), *Language Learner Strategies* (pp: 187-206). Oxford University Press.
- Firdaus Rusman & Hilmy Baihaqy Yussof. (2018). Keberkesanan Pendekatan Pembelajaran Blended dalam Pembelajaran Tauhid Darjah 6, Sekolah Agama. *Prosiding. The 5th International Conference on research in Islamic Education & Arabic Language 2018 "Transforming Islamic Education in Embracing Industry 4.0 Era"*. eISBN 978-967-14229-3-9. Pg 114 – 129
- Hasnuddin Ab Rahman, Norfaizuryana binti Zainal, Nor Azzarahton binti Ab Karim. (2015). Keberkesanan Penggunaan ICT di dalam Pengajaran dan Pembelajaran Pendidikan Islam bagi Sekolah Kebangsaan Desa Pandan Kuala Lumpur. *Proceeding of International Conference on Information Technoloy & Society. 8-9 Jun 2015. Kuala Lumpur, Malaysia*. eISBN: 978-967-0850-07-8
- Hassan, J. & Mohd Aris, A. (2009). Tahap Penguasaan Kemahiran Pedagogi di Kalangan Pelajar Tahun Akhir di Fakulti Pendidikan UTM, Skudai Johor Universiti Teknologi Malaysia.
- Jaggil Apak, Muhamad Suhaimi Taat. (2018). Pengaruh Kesediaan Guru Terhadap Pengurusan Bilik Darjah Abad Ke-21. *Malaysian Journal in Social Science and humanities*. Vol 3, Issue 4 (6-22)
- Laili Farhana, Maizatul Hayati Mohamad Yatim, Md Nasir Masran. (2015). Menerokai Kemahiran Abad Ke-21 Kanak-Kanak Dalam Proses Reka Bentuk Permainan Penceritaan Digital. *Journal of Science and Technology*. Vol.2 No.1 82-96. ISSN 2289-7070
- Mahamod, Z. (2011). *Memperkasas Guru, Mempercepat Pelajar: Pengajaran dan Pembelajaran Bahasa Melayu Dalam Abad Ke-21*. Seminar Bahasa Melayu.
- Maimun Aqsha Lubis, Wan Nurul Syuhada' Wan Hassan, Mohd Isa Hamzah. (2017). Tahap Pengetahuan dan Kesediaan Guru-Guru Pendidikan Islam Sekolah Menengah di Selangor Terhadap Penggunaan Multimedia dalam Pengajaran Pendidikan Islam. *ASEAN Comparative Education Research Journal on Islam and Civilization (ACER-J)*. Vol 1. 1-13
- Mashira Yahaya, Rsyati Hanafiah, Nor Sazila Zakaria, Rohana osman, Khairul Anuar Bahrain. (2019). Amalan Pembelajaran Abad Ke-21 (PAK21) Dalam Pengajaran Dan Pemudahcaraan (PdPc) Guru-Guru Sekolah Rendah. *Jurnal IPDA Bil. 26*
- Mashira Yahaya, Rusyati Hanafiah, Nor Sazila Zakaria, Rohana Osman, Khairul Anur Bahrain.(2019). Amalan Pembelajaran Abad Ke-21 (PAK21) Dalam Pengajaran dan Pemudahcaraan (PdPc) Guru-Guru Sekolah Rendah. *Jurnal IPDA Bil. 26*. Institut Pendidikan Guru Kampus Darulaman, Jitra, Kedah.
- Mohamad Maliki Ali, Maimun Aqsha Lubis, Mohd Aderi Che Noh. (2018). Keberkesanan Pengajaran Kurikulum Akidah dalam Pendidikan Islam Berasaskan Kemahiran Berfikir Analitikal di Sekolah Menengah. *ASEAN Comparative Education Research Journal on Islam and Civilization (ACER-J)*. Vol 2(1), 15-34. eISSN: 2600-769X
- Mohd Faez Ilias & Kamarul Azmi Jasmi. (2011). *Modal Insan Kelas Pertama*. Persidangan Kebangsaan sains Sosial. Universiti Malaysia Sarawak (UNIMAS). 20-21 April 2011
- Mohd Kosnin, A. & Md Saleh, Z. 2006. Tahap Kesediaan Guru-Guru PKPG Kemahiran hidup (KH) UTM Mengajar Kejuruteraan di dalam Bahasa Inggeris. *Universiti Teknologi Malaysia*.
- Mohd Syaubari bin Othman & Ahmad Yunus bin Kassim. (2017). Teaching Practice of Islamic Education Teachers Based on Higher Order Thinking Skills (HOTS) in Primary School in Malaysia: An Overview of the Beginning. *International Journal of Academic research in Business and Social Sciences*. Vol. 7, No. 3. ISSN 2222-6990
- Mohd Syaubari Othman & Ahmad Yunus Kassim. (2017). Pelaksanaan Amalan Pengajaran Guru Pendidikan Islam Sekolah Menerusi Kaedah Penyoalan Berdasarkan Kemahiran Berfikir Aras Tinggi (KBAT). *Journal of Advanced Research in Social and Behavioral Sciences*. Vol 7, Isu 1, pg 1-9. ISSN 2462-1951
- Mohd Syaubari Othman & Ahmad Yunus Kassim. (2018). Hubungan Pelaksanaan Komposisi Pembelajaran yang Mengintegrasikan Kemahiran Berfikir Aras Tinggi (KBAT) dengan Pencapaian Pelajar di dalam Mata Pelajaran Pendidikan Islam. Vol 5 (1). Ms 63-80. eISSN 2289-7909
- Mohd Syaubari Othman, Ahmad Yunus bin Kassim. (2016). Elemen Kemahiran Berfikir Aras Tinggi (KBAT) di dalam Amalan Pengajaran Guru Pendidikan Islam Menurut Imam Ghazali. *Jurnal Sultan Alauddin Sulaiman Shah*. Vol 3 Bil 2. e-ISSN: 2289-8042
- Mohd Syaubari Othman, Ahmad Yunus Kassim. (2017). Isu dan Permasalahan (PdP) Pelaksanaan Kemahiran Berfikir Aras Tinggi (KBAT) dalam Amalan Pengajaran Guru menurut Pandangan Ibn Khaldun. *Journal of human Capital Development*. ISSN: 1985-7012. Vol 10

- Mohd Zailani Ismail & Mohamad Khairi bin Hj Othman. (2017). Amalan Pedagogi Abad Ke-21 dalam Kalangan Guru Pelatih Program Ijazah Sarjana Muda Perguruan (PISMP) Pendidikan Islam di Institut Pendidikan Guru Malaysia. *Jurnal Penyelidikan Dedikasi* jilid 13, 2017
- Moher, D., Shamseer, L., Clarke, M., Ghersi, D., Liberati, A., Petticrew, M., Shelleke, P., & Stewart, L. A. (2015). Preferred reporting items for systematic review and meta-analysis protocols (PRISMA-P) 2015 statement. *Systematic Reviews*, 4(1), 1–9. <https://doi.org/10.1186/2046-4053-4-1>
- Muhammad Sofwan Mahmud, Roslinda Rosli. "Penyoalan Lisan dalam Pengajaran dan Pembelajaran Matematik: Kajian Kes Dua Orang Guru Sekolah Rendah." *Prosiding Seminar Kebangsaan Pendidikan Negara Kali Ke-5*, 2015. [accessed Nov 27 2020].
- Muhammad Zuhri Rakhrudin. (2019). Revitalisasi Nilai-Nilai Pendidikan Islam dalam Literasi Digital Abad 21. Universitas Muhammadiyah Sidoarjo.
- Muslim Afandi. (2014). Pendidikan Islam dan Multiple Intelligences. *Jurnal Potensia*. Vol.13. Edisi 2 Julai. 135-148.
- National Education Association. (2015). Preparing 21st century students for a global society: An educator's guide to the "Four Cs". Retrieved from <http://www.nea.org/assets/docs/A-Guide-to-Four-Cs.pdf>
- Noor Lela Ahmad, Sho Sin Looi, Hariyaty Ab Wahid, Rohaila Yusof. (2019). Kepentingan Amalan Pengajaran Abad 21 Terhadap Pembangunan Pelajar. *International Journal of Education, Psychology and Counseling*, 4(28), 37-51
- Nor Hafiza Othman, Norasmah Othman. (2019). A Systematic Review on Entrepreneurship Education in Higher Learning Institutions in Southeast Asia. *Universal Journal of Educational research*. 7(11): 2406-2416
- Noraini Omar & Musliha Ismail. (2018). Kemahiran Berfikir Aras Tinggi dalam Pengajaran dan Pembelajaran Berfokuskan Kepelbagaian Budaya Murid Sekolah Rendah (KSSR). *Proceeding The 5th International Conference on research in Islamic Education & Arabic Language 2018 "Transforming Islamic Education in Embracing Industry 4.0 Era"*. eISBN 978-967-14229-3-9. pg 456-464
- Noraini Idris. (2010). *Penyelidikan dalam pendidikan*. Kuala Lumpur: McGraw-Hill Education
- Norazlin Mohd Rusdin & Siti Rahaimah Ali. (2019). Amalan dan Cabaran Pelaksanaan Pembelajaran Abad Ke-21. *Proceedings of the International Conference on Islamic Civilization and Technology Management*. 23-24 November. ISBN: 978-967-2231-26-4
- Nursafra Mohd Zhaffar, wan Ali Akbar bin Wan Abdullah, Mohd Isa Hamzah, Khadijah Abdul Razak, Maimun Aqsha Lubis. (2018). Strategi Penyoalan Guru Pendidikan Islam dalam Pengajaran Berfikir Kritis. *ASEAN Comparative Education research Journal n Islam and Civilization (ACER-J)*. Vol 2(1), 72-87, eISSN:2600-769X
- Rafferty, A. E., Jimmieson, N. L., & Armenakis, A. A. (2013). Change Readiness: A Multilevel Review. *Journal of Management*, 39(1), 110-135.
- Saliza Ali. (2019). Amalan Pengajaran dan Pembelajaran Abad Ke-21, Pengetahuan Kandungan dan Kemahiran Berfikir Aras Tinggi dalam kalangan guru Matematik. *Universiti Kebangsaan Malaysia*. Tesis Sarjana.
- Salleh, R. (2012). *pengajaran Kemahiran Berfikir Aras Tinggi: Kediaan Guru Mengendalikan Proses Pengajaran dan Pembelajaran*. Universiti Pendidikan Sultan Idris. Tesis Sarjana.
- Tengku Nor Husna binti Tengku Jamil, Hasanah binti Abd Khafidz, Khazri Osman. (2019). Kemahiran Berfikir Aras Tinggi Melalui Pendekatan Tadzakur. *Journal of Islamic Social Science and Humanities*. Universiti Sains Islam Malaysia. ISSN 2232-0431/eISSN 2504-8422. Vol. 19: 33-45
- Thelwall, M., Kousha, K. ResearchGate versus Google Scholar: Which finds more early citations?. *Scientometrics* 112, 1125–1131 (2017). <https://doi.org/10.1007/s11192-017-2400-4>
- Umi Kalthom Mahbib, Ahmad Esa. (2014). Kaedah Koperatif sebagai Pilihan Kelas Abad 21: Sorotan Literatur. *International Seminar on Teaching and Vocational Education 2014 (TVEIS 2014)*.
- Vacide Erdogan. (2019). Integrating 4C Skills of 21st Century into 4 Language Skills in EFL Classes. *International Journal of Education and Research*. Vol. 7. ISSN:2411-5681
- Van Laar E., Van Deursen A.J.A.M., Van Dijk J.A.G.M. & Jos de Haan (2017). The relation between 21st-century skills and digital skills: A systematic literature review. *Computers in Human Behavior*, 72. 577-588. doi:10.1016/j.chb.2017.03.010
- W. A. Wan Ismail, W. I. Muhammad, M. A. Lubis, Mohd Isa Hamzah. (2016). Kediaan guru Pendidikan Islam Sekolah Rendah di Selangor Terhadap Penerapan KBAT dalam Pengajaran dan

- Pembelajaran. *Journal of Advanced research in Applied Sciences and Engineering Technology*. Vo. 3(1). Pg 79-92. eISSN 2462-1943
- Yahya Othman dan Dr. Suzanawaty Pg. Osman (2014). Keupayaan Menguasai Kemahiran Menulis Melalui Pembelajaran Berasaskan Projek Dalam Penulisan Berbentuk Risalah Di Sekolah Rendah. *Jurnal Pendidikan Bahasa Melayu*.
- YM Raja Abdullah Raja Ismail & Daud Ismail. (2018). Aplikasi 'Konsep 4C' Pembelajaran Abad Ke-21 dalam Kalangan Guru Pelatih Pengajian Agama Institut Pendidikan Guru Kampus dato' Razali Ismail. *Asian People Journal (APJ)*. Vol 1. Isu 1. Pg 45-65. ISSN 2600-8971
- Yunos, M. (2015). Hubungan Sikap dan Persepsi Murid Terhadap Pembelajaran Bahasa Melayu dengan Kemahiran Abad Ke-21. *Jurnal Pendidikan Bahasa Melayu*. Vol.5, Bil. 2(Nov.2015):22-30. ISSN:2180-4842
- Yusmarwati Yusof, Rohayu Rohiddin & Halizah Awang. (2015). What Students Need, and What Teacher Did: the Impact of Teacher's Teaching Approaches to the Development of Student's Generic Competences. *Procedia – Social and Behavioral Science*, Volume 204, 36-44
- Zanariah Abdul Wahab & Nil Rosila Nik Yaacob. (2018). Critical and Creative Thinking Skill in Islamic Education and Gender Differences. *The 5th International Conference on research in Islamic Education & Arabic Language 2018 "Transforming Islamic Education in Embracing Industry 4.0 Era"*. eISBN 978-967-14229-3-9. Pg 1-11